

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Sering menerima upah menghasilkan reka dan lakaran untuk sependuk sekolah ketika berada di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima, secara tidak langsung mencetuskan minat Mohd Noor Fadil Lanangka, 23, terhadap bidang perniagaan.

Kecenderungan berkenaan mendorong mahasiswa tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Pengguna di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menjalankan bisnes serum tanda regangan berjenama Dell-daz sejak Oktober tahun lalu.

Idea itu timbul selepas pemerhatian beliau mendapati ramai lelaki dan perempuan di negara ini mengalami masalah tanda regangan pada tubuh, antara lain atas faktor mengandung serta berat badan.

Sambutan menggalakkan

“Dalam pasaran di Malaysia, masih kurang produk yang memfokus pada rawatan tanda regangan sahaja. Saya mendapati masalah tanda regangan dialami ramai orang yang memang-

mahukan produk paling sesuai untuk mengatasinya.

“Justeru berbekalkan formula sendiri, saya mengeluarkan sebanyak 500 unit produk Dell-daz pada peringkat awal dan mempromosikannya melalui Facebook. Alhamdulillah, sambutan diperoleh adalah menggalakkan,” katanya.

Mohd Noor Fadil berkata, antara keistimewaan Dell-daz ialah produk itu berasaskan air dan bukan krim menyebabkannya tidak berminyak, selain dicipta khusus untuk merawat tanda regangan serta mencerahkan celahan gelap.

Kongsi ilmu

Berkongsi faedah menceburi bidang keusahawanan pula, beliau mengaku pengalaman berniaga menjadikannya semakin matang dan berdikari mencari wang saku menampung perbelanjaan diri supaya tidak membebankan keluarga.

Selain itu, beliau tidak kedekut kongsi ilmu asas memulakan bisnes untuk membantu orang lain menjana pendapatan sendiri dan mengatasi masalah kewangan.

“Saya gembira kerana apabila dapat membantu kehidupan orang lain, urusan diri pula dimudahkan Allah SWT,” katanya yang berasal dari Tawau, Sabah.

usahawan muda

Cipta formula, jual serum rawat tanda regangan



Mohd Noor Fadil bersama Dell-daz yang mendapat sambutan positif daripada pengguna.

Fakta nombor

Bisnes Dell-daz

RM5,000 MODAL

pelaburan awal

700 PELANGGAN

dalam tempoh tiga bulan

Produk serum tanda regangan yang dijual Mohd Noor Fadil.